



**TENGGU IEFIZULASYRIFIE PUTRA BIN TENGGU ALAUDIN  
(IEFIZ ALAUDIN)**

**LATAR BELAKANG**

Beliau diperkenalkan kepada dunia seni persembahan apabila menyertai Tunas Budaya pada tahun 1995/6. Beliau telah melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma Teater di Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (2006-2009) kemudian melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Seni Teater di Middlesex University, United Kingdom (2010-2012) sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana di dalam bidang Movement Studies di Royal Central School of Speech and Drama, United Kingdom (2012-2013).

**PENCAPAIAN**

Iefiz merupakan seorang pelakon yang aktif sejak kecil lagi. Antara teater lakonannya ialah: Dewi Bunga, Lagenda, Anugerah, Taman Baginda, Bawang Putih Bawang Merah, Siti di Alam Fantasi, Mencari Juita, Lawyer Dahlan, Ribut, Gamat, Tun Perak, Vertigo, Macbeth, Bangsawan Raden Galoh, Bangsawan Badang, Makyong Raja Gondang, Awang Batil: Hikayat Cendawan Putih, Baba, RE: Joyce, The insect play, Swordfish & concubine dan banyak lagi. Selain Malaysia, beliau telah berlakon di Singapura (Mati Hidup Kembali karya Fasyali Fadzly), Jogjakarta

(Samar-samar kolaborasi bersama Fasyali Fadzly), Korea (Bangsawan Laksamana Bentan) dan United Kingdom (The Mudhead Dance & Excavation). Beliau Bersama beberapa rakan lain telah mendapat Astro Krishen Jit Award untuk persembahan kolaborasi Langkau, Geran persembahan untuk persembahan Ingatan yang dipersembahkan di Georgetown Festival dan juga mendapat geran persembahan JKKN untuk produksi Awang Batil: Hikayat Cendawan Putih. Persembahan ini telah mendapat nominasi Best Group Performance di BOH Cameronian Awards 2020. Selain berlakon, beliau berpengalaman menjadi Pengarah dan Pengarah Gerak untuk beberapa persembahan antaranya: Baina, Sekuntum Mawar Merah, Family Business, Jenin, jerebu, Tujuh Hari Juhari, Tiga jari daripada Tuhan, Trem Bernama Desire dan banyak lagi. Beliau juga telah membentangkan beberapa kertas akademik di Universiti Malaya dan ASWARA.

Beliau dianugerahkan sebagai pelajar terbaik Fakulti Teater sesi akademik 2006/07, menerima tajaan pengajian dari Yayasan Daya Diri untuk pengajian Ijazah Sarjana muda dan merupakan penerima Anugerah Biasiswa Akademik ASWARA untuk pengajian Ijazah Sarjana.

Beliau berminat dalam Teater Fizikal, Teater Kanak-Kanak, dan Devised Theatre. Kini beliau berkhidmat sebagai Pensyarah dan Ketua Program Pengarahan Fakulti Teater.